

Asset Management

22 September 2014

Pelanggan yang Dihargai,

MEMPERKENALKAN AFFIN HWANG CAPITAL

Dengan sukacitanya, saya ingin memaklumkan bahawa proses penggabungan antara Affin Investment Bank Berhad ("Affin IB") dan HwangDBS Investment Bank Berhad ("Hwang") telah selesai dilaksanakan pada 20 September 2014. Penggabungan ini juga melibatkan anak syarikat kedua-dua entiti, iaitu Hwang Investment Management Berhad ("HwangIM") dan Affin Fund Management Berhad ("Affin Fund") yang turut sama bergabung menjadi satu entiti di bawah nama Affin Hwang Asset Management Berhad ("Affin Hwang AM").

Affin Hwang Capital

Kumpulan Perbankan Pelaburan Affin Hwang, dimana Affin Hwang AM adalah sebahagian daripadanya, telah memperkenalkan jenama baru bagi mencerminkan penggabungan ini dan telah mengambil inisiatif untuk menyeragamkan anak-anak syarikatnya di bawah satu jenama. Inisiatif ini melibatkan antara lainnya perubahan kepada nama, logo dan slogan kami.

Mulai 22 September 2014 atau dikenali sebagai Hari Pelanggan, kesemua anak-anak syarikat di bawah Kumpulan Perbankan Pelaburan Affin Hwang termasuk Affin Hwang AM akan beroperasi di bawah jenama yang seragam iaitu Affin Hwang Capital. Justeru itu, Affin Hwang AM akan turut sama menggunakan jenama, logo dan slogan yang baru ini dalam menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran yang akan datang.

Logo baru Affin Hwang Capital yang unik telah direka bentuk berdasarkan Bintang Persekutuan Malaysia. Logo baru ini merangkumi budaya-budaya kami yang pelbagai serta melambangkan keharmonian dan kerjasama di antara kesemua perniagaan di bawah Kumpulan ini.

Manakala slogan kami, 'Out think. Out perform.', secara dasarnya mempamerkan semangat dan sifat perintis kami, daya saing yang tinggi dan pengurusan bersemangat keusahawan dan penuh kerjasama dalam memberi prestasi yang terbaik untuk pelanggan-pelanggan kami. Kesimpulannya, ini adalah janji utama kami terhadap pelanggan-pelanggan kami dan antara satu sama lain.

Pemegang Saham Utama

Pemegang saham utama Affin Hwang AM adalah Affin Hwang Investment Bank Berhad ("Affin Hwang IB") dengan pegangan saham 70%, manakala Nikko Asset Management mengekalkan pegangannya pada 30%.

Asset Management

Affin Hwang IB adalah anak syarikat AFFIN Holdings Berhad ("Affin"). Affin adalah konglomerat perkhidmatan kewangan yang pelbagai dan berpengalaman lebih daripada 38 tahun dalam bidang perkhidmatan perbankan perdagangan, perbankan dan pelaburan Islam, pembrokeran wang, pengurusan dana dan penaja jaminan insurans hayat dan perniagaan insurans am. Ia juga disokong kuat oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Boustead Holdings Berhad dan The Bank of East Asia, Limited.

Perubahan-perubahan Nama Dana

Kesemua dana-dana yang diuruskan oleh HwangIM dan Affin Fund juga telah dinamakan semula bagi mencerminkan identiti baru kami. Perubahan ini hanya melibatkan perubahan nama sahaja. Objektif, falsafah dan strategi pengurusan dana kekal seperti sediakala. Senarai lengkap nama baru dana-dana kami boleh dirujuk pada lampiran ataupun dengan melayari laman web kami: www.affinhwang.com.

Bahan-bahan Pemasaran & Jualan

Selaras dengan penamaan baru entiti Affin Hwang AM dan identiti korporat baru kami, kesemua bahan-bahan pemasaran dan jualan kami turut terlibat dalam proses perubahan. Oleh itu, kesemua bahan-bahan pemasaran dan jualan yang dikeluarkan oleh pihak kami sebelum tarikh 22 September 2014 tidak lagi digunakan.

Laman Web Korporat

Kami di Affin Hwang Capital dengan bangganya ingin memperkenalkan laman web korporat terbaru kami iaitu www.affinhwang.com yang akan mula beroperasi pada hari ini, Isnin, 22 September 2014.

Pejabat Affin Hwang AM & Waktu Operasi

Mulai Hari Pelanggan, Ibu Pejabat Affin Hwang AM adalah di:

Affin Hwang Asset Management Berhad
Suite 11-01, Tingkat 11
Menara Keck Seng
203 Jalan Bukit Bintang
55100 Kuala Lumpur

Untuk alamat-alamat cawangan kami, sila layari laman web: www.affinhwang.com. Waktu operasi baru kami adalah Isnin hingga Jumaat, 8:45 pagi - 05:30 petang, dan tutup pada hujung minggu.

Halatuju Baru

Kami amat teruja dengan penggabungan anak-anak syarikat dua konglomerat terkemuka di Malaysia, lebih-lebih lagi dengan nilai perniagaan yang akan dimanfaatkan oleh pelanggan-pelanggan sedia ada dan baru kami. Kami percaya dengan selesainya penggabungan ini, Affin Hwang Capital akan berada dalam posisi yang lebih baik dan kukuh dalam memenuhi matlamat pelaburan anda. Kami juga berharap menerusi penggabungan ini, pihak kami dapat memberi dan menyediakan pelbagai produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik pada masa hadapan.

Asset Management

Disini kami juga ingin memaklumkan bahawa perubahan ini tidak akan mengakibatkan sebarang impak negatif terhadap pengurusan harian perniagaan kami atau hubungan perniagaan anda dengan pihak kami. Komitmen kami dalam menyediakan produk-produk dan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti tinggi akan terus dikekalkan. Kami juga akan sentiasa komited dalam memberi prestasi pelaburan yang cemerlang untuk semua produk pelaburan kami.

Bagi pihak Affin Hwang AM, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas sokongan anda selama ini dan berharap untuk sentiasa membantu anda dalam mencapai matlamat pelaburan disamping mengarah ke halatuju yang baru dan menarik bersama-sama kami, sebagai sebahagian daripada Affin Hwang Capital.

Mesej ini adalah untuk maklumat anda sahaja dan tidak memerlukan anda untuk mengambil apa-apa tindakan. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi kami di 03 2116 6000 atau customercare@affinhwangam.com.

Yang benar,
Affin Hwang Asset Management



Teng Chee Wai
Ketua Pegawai Eksekutif

Asset Management

LAMPIRAN

Perubahan Nama Dana: Hwang Investment Management Bhd

No	Dana	Dinamakan Kepada
1	Hwang AIIMAN Cash Fund	Affin Hwang Aiiman Cash Fund I
2	AIIMAN Cash Fund II	Affin Hwang Aiiman Cash Fund II
3	Hwang AIIMAN Cash Fund IV	Affin Hwang Aiiman Cash Fund IV
4	AIIMAN Cash Plus Fund	Affin Aiiman Cash Plus Fund
5	Hwang AIIMAN Enhanced Income Fund	Affin Hwang Aiiman Enhanced Income Fund
6	Hwang AIIMAN Growth Fund	Affin Hwang Aiiman Growth Fund
7	Hwang AIIMAN Income Plus Fund	Affin Hwang Aiiman Income Plus Fund
8	Hwang AIIMAN PRS Shariah Growth Fund	Affin Hwang Aiiman PRS Shariah Growth Fund
9	Hwang AIIMAN Select Income Fund	Affin Hwang Aiiman Select Income Fund
10	Hwang 12M Income Fund I	Affin Hwang 12M Income Fund I
11	Hwang 12M Income Fund II	Affin Hwang 12M Income Fund II
12	Hwang 12M Income Fund III	Affin Hwang 12M Income Fund III
13	Hwang 12M Income Fund IV	Affin Hwang 12M Income Fund IV
14	Hwang Absolute Return Fund	Affin Hwang Absolute Return Fund I
15	Hwang Absolute Return Fund II	Affin Hwang Absolute Return Fund II
16	Hwang Asia Bond Fund	Affin Hwang Asia Bond Fund
17	Hwang Asia Pacific (ex Japan) REITs and Infrastructure Fund	Affin Hwang Select Asia Pacific (ex Japan) REITs and Infrastructure Fund
18	Hwang Select Asia (ex Japan) Quantum Fund	Affin Hwang Select Asia (ex Japan) Quantum Fund
19	Hwang AUD Income Fund (AUD Class & RM Class)	Affin Hwang Select AUD Income Fund (AUD Class & RM Class)
20	Hwang Cash Plus Fund	Affin Hwang Cash Plus Fund I
21	Hwang Cash Plus Fund 2	Affin Hwang Cash Plus Fund II
22	Hwang China Select Fund	Affin Hwang China Growth Fund
23	Hwang Enhanced Cash Fund	Affin Hwang Enhanced Cash Fund
24	Hwang Enhanced Deposit Fund	Affin Hwang Enhanced Deposit Fund
25	Hwang Enhanced Income Fund	Affin Hwang Enhanced Income Fund
26	Hwang Fixed Maturity Income Fund III	Affin Hwang Fixed Maturity Income Fund III
27	Hwang Fixed Maturity Income Fund IV	Affin Hwang Fixed Maturity Income Fund IV
28	Hwang Fixed Maturity Income Fund IX	Affin Hwang Fixed Maturity Income Fund IX
29	Hwang Fixed Maturity Income Fund V	Affin Hwang Fixed Maturity Income Fund V
30	Hwang Fixed Maturity Income Fund VI	Affin Hwang Fixed Maturity Income Fund VI
31	Hwang Fixed Maturity Income Fund VII	Affin Hwang Fixed Maturity Income Fund VII
32	Hwang Fixed Maturity Income Fund VIII	Affin Hwang Fixed Maturity Income Fund VIII
33	Hwang Fixed Maturity Income Fund X	Affin Hwang Fixed Maturity Income Fund X
34	Hwang Fixed Maturity Income Fund XI	Affin Hwang Fixed Maturity Income Fund XI
35	Hwang Flexi Fund I	Affin Hwang Flexi Fund I
36	Hwang Flexi Fund II	Affin Hwang Flexi Fund II
37	Hwang Global Commodity Fund	Affin Hwang Global Commodity Fund
38	Hwang Income Plus Fund	Affin Hwang Multi-Asset Fund
39	Hwang Institutional Bond Fund	Affin Hwang Institutional Bond Fund
40	Hwang Money Market Fund	Affin Hwang Money Market Fund

Asset Management

No	Dana	Dinamakan Kepada
41	Hwang PRS Conservative Fund	Affin Hwang PRS Conservative Fund
42	Hwang PRS Growth Fund	Affin Hwang PRS Growth Fund
43	Hwang PRS Moderate Fund	Affin Hwang PRS Moderate Fund
44	Hwang Select Asia (ex Japan) Opportunity Fund	Affin Hwang Select Asia (ex Japan) Opportunity Fund
45	Hwang Select Balanced Fund	Affin Hwang Select Balanced Fund
46	Hwang Select Bond Fund (RM Class & USD-Hedge Class)	Affin Hwang Select Bond Fund (RM Class & USD-Hedge Class)
47	Hwang Select Cash Fund	Affin Hwang Select Cash Fund
48	Hwang Select Dividend Fund	Affin Hwang Select Dividend Fund
49	Hwang Select Income Fund	Affin Hwang Select Income Fund
50	Hwang Select Japan Quantum Fund	Affin Hwang Japan Growth Fund
51	Hwang Select Opportunity Fund	Affin Hwang Select Opportunity Fund
52	Hwang SGD Income Fund (SGD Class & RM Class)	Affin Hwang Select SGD Income Fund (SGD Class & RM Class)
53	Hwang Structured Income Fund V	Affin Hwang Structured Income Fund V
54	Hwang Structured Income Fund VIII	Affin Hwang Structured Income Fund VIII
55	Hwang Tactical Opportunity Capital Protected Fund	Affin Hwang Tactical Opportunity Capital Protected Fund

Perubahan Nama Dana: Affin Fund Management Bhd

No	Dana	Dinamakan Kepada
1	Dana Islamiah Affin	Affin Hwang Aiiman Balanced Fund
2	Affin Islamic Equity Fund	Affin Hwang Aiiman Equity Fund
3	Affin Islamic Money Market Fund	Affin Hwang Aiiman Money Market Fund
4	Affin 1-iWholesale	Affin Hwang Aiiman Wholesale Fund I
5	Affin 2-iWholesale	Affin Hwang Aiiman Wholesale Fund II
6	Affin 3-iWholesale	Affin Hwang Aiiman Wholesale Fund III
7	Affin 4-iWholesale	Affin Hwang Aiiman Wholesale Fund IV
8	Affin Equity Fund	Affin Hwang Equity Fund
9	Affin Capital Fund	Affin Hwang Bond Fund
10	Affin Select Growth Fund	Affin Hwang Principled Growth Fund
11	Affin Tactical Fund	Affin Hwang Tactical Fund
12	Affin Quantum Fund	Affin Hwang Growth Fund
13	Affin 1Wholesale Fund	Affin Hwang Wholesale Fund I